

'Air termenung' halang mangsa pulang rumah

Ipoh: Fenomena 'air termenung' atau air bergenang menyebabkan masih ramai mangsa banjir di Perak tidak dapat pulang ke rumah atau membersihkan premis kediaman dan perniagaan masing-masing.

Kejadian itu yang turut menenggelamkan kawasan pertanian, meresahkan penduduk kerana bukan sahaja tidak dapat meneruskan kehidupan harian termasuk mencari nafkah seperti biasa, malah bimbang kerosakan kediaman dan harta benda lebih teruk akibat terlalu lama terendam dalam air.

Fenomena air termenung di beberapa daerah di negeri ini berpunca kedudukan penempatan yang sama paras atau lebih rendah dengan tebing sungai.

Keadaan itu melanda lima daerah di sepanjang Sungai Perak, dengan bilangan yang masih ditempatkan di 25 pusat pemindahan banjir seramai 4,750 orang daripada 1,326 keluarga sehingga jam 4 petang semalam.

Daerah Perak Tengah paling ramai iaitu 3,657 mangsa daripada 1,019 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan banjir; Hulu Perak (577 mangsa/168 keluarga); Hilir



Tinjauan keadaan banjir di Kampung Selat Pulau, Pasir Salak dekat Kampung Gajah.

[FOTO L MANIMARAN/BH]

Perak (305 mangsa/88 keluarga); Manjung (149 mangsa/34 keluarga) dan Kuala Kangsar (57 mangsa/16 keluarga).

Pam air keluar

Mangsa banjir, Jaafar Ismail, 55, dari Kampung Parit 14, Bota, Perak Tengah, berkata beliau tidak sabar hendak membersihkan dan tinggal semula di rumahnya, namun belum dapat berbuat demikian kerana air masih bergenang walaupun sudah tiada hujan.

Penduduk Persisiran Sayong di

daerah Kuala Kangsar, Rapizah Mohd Razali, 56, berkata masih tidak berani pulang ke rumah berikutan air masih bergenang di hadapan rumahnya yang bersebelahan Sungai Perak.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menangani masalah itu untuk mengepam air keluar.

Pengarah JPS negeri, Datuk Abdul Razak Dahalan ketika dihubungi pula berkata fenomena air laut pasang yang ma-

suk melalui Sungai Perak hingga ke kawasan Kampung Gajah menyebabkan masalah air bergenang berpanjangan.

"Selain itu, pelepasan air di Empangan Chenderoh masih dilakukan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Datuk Prof Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata saluran tersumbat antara faktor terjadinya fenomena banjir termenung selain mata air pada kedudukan tinggi yang mengeluarkan air dari dalam tanah.